



## Apresiasi Barang Kemas Tradisional Melayu: Satu Kajian Mengenai Budaya Bahan

**Nazirah Mohamad Ba'ai**

Jabatan Seni Reka Logam Kontemporari, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM  
nazirahbaai@gmail.com

**Dr. Hanif Khairi**

Jabatan Seni Reka Logam Kontemporari, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM  
hanif\_khairi@yahoo.com

**Hasma Ahmad**

Jabatan Seni Reka Fesyen, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM  
hasma\_ahmad@yahoo.com

### ABSTRAK

Barang kemas merupakan barang perhiasan badan yang boleh didapati dalam pelbagai bentuk, saiz dan warna yang berasaskan logam dan jugabukanlogam.Rekaan barang kemas kini telah dipelbagaikan dalam masyarakat Melayu di Malaysia.Penerimaan barang kemas di Malaysia didapati sejak abad ke-15 bermula di Kelantan dan Terengganu (Azah Aziz, 2006), di mana barang kemas ini juga mempunyai pelbagai fungsi selain menjadi barang perhiasan malah dijadikan sebagai koleksi dan aset. Berdasarkan kepada faktor kajian ini, amat signifikan untuk merekodkan penggunaan barang kemas yang dikategorikan sebagai Budaya Bahan (Material Culture) yang merujuk kepada sesuatu bahan artifak yang mempunyai kepercayaan, nilai, idea dan ciri-ciri masyarakat. Kajian ini merupakan pelengkap kepada penulisan dan kajian sedia ada yang telah dijalankan dalam pembuatan barang kemas yang berasaskan logam di Malaysia dengan mengikut turutan tahun yang lebih sistematik.Objektif kajian adalah merujuk kepada pendokumentasian visual rekaan barang kemas di Malaysia.Selain daripada itu kajian ini dapat mengenalpasti rekabentuk dan rekaan, serta menganalisa motif corak dalam menghiasi pembuatan barang kemas di Malaysia khususnya.Tujuan kajian adalah mendokumentasi perkembangan barangan kemas yang berasaskan logam dengan memfokuskan kepada rekabentuk dan rekacorak pembuatannya khusus kepada masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia.Hasil kajian ini akan melengkapkan dokumentasi penggunaan barang kemas tradisional Melayu sebagai apresiasi di dalam melestarikan seni warisan pertukangan Melayu di Malaysia. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa perlunya penyelidikan lebih meluas tentang kajian budaya bahan yang menjurus kepada seni barang kemas Melayu.Aspek-aspek seperti estetik, nilai-nilai rekaan dan kepercayaan melibatkan budaya Melayu perlu diberi perhatian.

**Kata Kunci:** Barang kemas, Budaya Bahan (Material Culture), Tradisional Melayu

### PENDAHULUAN

Di Malaysia, seni pertukangan logam sudah lama bertapak dan dipercayai bermula sejak zaman pra-sejarah. Menurut R. Soekmono 1973, Zaman Prasejarah Akhir ataupun Zaman Logam merupakan satu zaman di mana kehidupan sosial masyarakatnya mengamalkan kebudayaan yang menggunakan peralatan yang diperbuat daripada logam. Leong Sau



Heng, 1989 dalam kajian beliau menyatakan bahawa pada awal zaman ini kebanyakan peralatan yang dihasilkan adalah objek-objek yang kecil seperti mata beliung, mata kapak, mata lembing serta barang-barang perhiasan diri seperti gelang tangan (Adnan Jusoh, 2008).

Seni pertukangan logam ini berkembang sejajar dengan perkembangan industri yang lain, termasuk emas, tembaga dan besi. Selain itu, barangan yang berasaskan logam bukan sahaja pada pertukangan logam tembaga malah dalam penghasilan perak dan pewter juga mendapat tempat di negara ini. Seni pertukangan logam ini terus berkembang dan melalui beberapa perubahan setelah masyarakat Melayu mengetahui nilai yang ada pada logam. Jika dahulunya logam hanya sebagai matawang, namun peredaran masa telah menjadikan logam barang keperluan dapur dan senjata serta perhiasan. Menurut Leong Sau Heng, selain gendang Dongson ditemui juga beberapa artifak lain seperti manik dan serpihan alat besi bersoket (Adnan Jusoh, 2008). Ini ternyata pada masa itulah masyarakat Melayu telah pandai mencorakkan sesuatu barangan aksesori kaum wanita, selain dihasilkan untuk membentuk barangan yang berkaitan dengan adat istiadat masyarakat Melayu.

Ini lebih terbukti dengan terjumpanya serpihan perak dan emas serta beberapa kepingan ukiran perak yang merupakan serpihan daripada kancing tali pinggang yang dibuat dengan hiasan timbulan (*repousse*). Penemuan artifak tersebut menunjukkan bermulanya pengaruh daripada budaya dari Tamadun Hindu khususnya di Negeri Kelantan yang pada masa itu ramai petukang-petukang perak daripada Pattani berhijrah ke Kelantan (Alexandra Choo, 1984).

Kesan daripada itu, menyebabkan Semenanjung Tanah Melayu terkenal dengan pengeluaran barangan kemas dan juga barangan kasar (Jasiman dan Nora Samat, 1991). Ini dapat dilihat kebanyakan barang perhiasan yang dimiliki oleh kerabat diraja Melayu pada hari ini dipercayai telah diukir pada abad ke-18 dan awal abad ke-19 kerana emas pada masa itu mudah didapati antaranya di Sungai Tembeling, Pahang (Leong Sau Heng, 1989). Justeru itu, ini telah membolehkan tukang-tukang emas menggunakan kemahiran mereka dengan sebaiknya. Oleh demikian sehingga kini barangan yang dihasilkan masih mencerminkan keunggulan kesenian Melayu yang tinggi mutunya (Jasiman Ahmad dan Nora Samat, 1991).

Barang kemas mula wujud dan digunakan semenjak dahulu lagi, malangnya ianya tidak dapat dipastikan dengan tepat. Dari zaman primitif lagi manusia telah menghiasi tubuh mereka dengan kecantikan daripada alam semulajadi, antara perhiasan diri yang terawal dijumpai ialah rantai yang diperbuat daripada tulang, kuku dan gigi haiwan. Selain itu terdapat juga perhiasan diri yang dijumpai daripada potongan batu-batu yang berwarna, kulit-kulit cengkerang, manik-manik yang berwarna-warni dan sebagainya. Ianya digunakan sebagai simbolik keperibadian tertentu.

Merujuk kepada Rahimah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2008), budaya bahan atau '*Material Culture*' adalah merujuk kepada budaya bangsa yang dapat dimengertikan sebagai hasil kajian arkeologi dan kajian tentang sistem sosial atau kemasyarakatan terhadap sesuatu objek hasil ciptaan ahli masyarakat yang dikaji. Menurusi penyelidikan yang telah



dijalankan oleh Awang Azman Awang Pawi (2010), penyelidikan ke atas bahan budaya sering dikaitkan dengan artifak yang sering terlibat dalam kepercayaan, nilai, idea dan ciri-ciri masyarakat. Pemerhatian ke atas barangan budaya material juga termasuk pemerhatian ke atas budaya dan sebahagian daripadanya dari aspek sejarah budaya dan budaya antropologi. Disiplin budaya bahan adalah lebih besar jika dibandingkan dengan sejarah seni (Jules David Prowan, 1982:1). Oleh itu, boleh dikatakan bahawa budaya material meliputi seni, drama, hiasan, seni bina, seni kreatif seperti perabot dan bahan pameran, makanan dan peralatan lain seperti alat muzik, pakaian dan juga barang kemas (Awang Azman Awang Pawi, 2010).

Objektif kajian ini adalah untuk pendokumentasian visual rekaan barang kemas Melayu di Malaysia. Selain daripada itu kajian ini dapat mengenalpasti rekabentuk dan rekaan, serta menganalisa motif corak dalam menghiasi pembuatan barang kemas di Malaysia khususnya. Tujuan kajian adalah mendokumentasi perkembangan barangan kemas yang berasaskan logam dengan memfokuskan kepada rekabentuk dan rekacorak pembuatannya khusus kepada masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia. Justeru itu, signifikansi kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana kesinambungan seni warisan dalam rekabentuk seni logam melayu iaitu seni perhiasan diri khususnya barang kemas serta merekodkan penggunaan barang kemas yang dikategorikan sebagai Budaya Bahan dalam masyarakat Melayu.

## **BARANG KEMAS TRADISIONAL MELAYU**

Kajian oleh penyelidik pada tahun 2002 mendapati, barang kemas merupakan barang perhiasan badan yang boleh didapati dalam pelbagai bentuk, saiz dan warna. Walau bagaimanapun ia juga mempunyai pelbagai fungsi selain menjadi barang perhiasan malah ianya juga boleh disimpan dan dijadikan sebagai aset mewah atau sebagai harta, secara tidak langsung barang kemas ini dijadikan sebagai lambang kemewahan dan kebanggaan bagi pemiliknya. Dengan ini, barang kemas juga boleh didefinisikan sebagai aksesori yang bermaksud kelengkapan atau alat tambahan supaya seorang itu akan kelihatan lebih menarik. Budaya material seperti perhiasan diri ini merupakan suatu pengertian yang besar kepada masyarakat kita pada masa kini dan ia merupakan lambang seni warisan negara khususnya masyarakat Melayu.

Masyarakat perlu disedarkan bahawa mereka perlu menghargai seni warisan mereka. Merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh Abd Aziz Abdul Rashid, 2008 kajian beliau terhadap Seni Tradisi Melayu yang Terancam Pupus memberi contoh bagaimana masyarakat di Nagoya Jepun amat menghargai seni tembikar tempatan di mana mereka menggunakan hasil tembikar sendiri walaupun produk berkenaan tidaklah secantik hasil buatan daripada negara asing. Selain daripada itu seni warisan ini juga mempunyai fungsi sebagai objek mewah, prestij, objek ritual malahan dalam sesetengah situasi sebagai contoh gendang gangsa khususnya merupakan objek warisan yang diperturunkan dari generasi ke generasi berikutnya (Adnan Jusoh, 2008). Manakala Siti Zainon Ismail juga berpendapat penghasilan dan penggunaan seni warisan tekstil adalah sebagai pakaian bukan sahaja



dilihat dari sudut fungsional, tetapi dinilai dari segi simbol dan keindahan (Siti Zainon Ismail, 1995).

Dari sudut keindahan mengikut Al-Ghazali, ialah nikmat yang tersendiri yang dihayati keranaNya dan bukan kerana tujuan yang lain. Keindahan tiap-tiap satu benda itu terletak pada kesempurnaanNya yang disedari melalui sifatnya (Syed Ahmad Jamal, 1995). Mengikut Kant, keindahan kesenian itu bukan suatu bentuk yang indah, tetapi perwakilan. Ini bermakna bahawa konsep estetika dan karya adalah suatu keadaan yang tidak semestinya mewakili atau tentang keindahan sepenuhnya, sungguhpun ada hubungan dengannya (Syed Ahmad Jamal, 1995). Schopenhauer pula berpendapat bahawa keindahan memberi kepuasan kehendak sifat semula jadi kita yang terpendam (Syed Ahmad Jamal, 1995).

Justeru itu, objek seni rupa melayu ini tidak terhad pada suatu pengayaan sahaja kepelbagaian barang kemas ini juga mempunyai nilai dalam seni Melayu sebagai perhiasan diri yang diminati dan digunakan oleh seseorang untuk menghias dan memperindah diri supaya lebih kelihatan cantik dan menarik. Ini kerana, nilai barangan budaya material ini mempunyai estetika yang membawa makna oleh setiap kaum wanita dan lelaki yang masing-masing mempunyai citarasa yang tersendiri dalam memilih rekabentuk, rekacorak dan jenisnya untuk digayakan. Menurut Rahimah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2008), seni melayu adalah seni yang mengetengahkan nilai-nilai murni dan mengisi kehidupan dengan pengertian yang lebih bermakna, menjadikan perlunya satu kelangsungan proses komunikasi kesenian dalam masyarakat.

Rekaan barang kemas juga telah dipelbagaikan pembuatannya oleh petukang-petukang mahir dengan menggunakan batu-batu permata sebagai tatarias yang indah lagi gemerlapan. Sesungguhnya penyingkapan sejarah penggunaan barang kemas di Malaysia oleh Mohd. Kassim Hj. Ali menyatakan bahawa dari zaman purba hinggalah ke zaman Kesultanan Melayu Melaka abad ke-19 telah mencerminkan identiti dan kegemilangan bangsa Melayu. Pada ketika itu barang kemas hanya dipelopori oleh orang bangsawan dan kerabat diraja sahaja (Mohd Kassim Hj. Ali, 1998). Menurut Awang Azman Awang Pawi (2010), budaya bahan ini memainkan peranan penting bukan sahaja dalam budaya harian orang biasa malahan di kalangan keluarga diraja juga. Di mana budaya material telah digunakan secara rasmi, ini dapat dilihat pada Keris panjang, Gandik Diraja, Kalong Keraja, Cogan Alam, Cogan Agama, Pedang, Sundang Diraja, Tengkolong Diraja, Keris Pendek Diraja, Pending Diraja Cokmar, Ubur-ubur Kuning dan Tombak Berambu.

Barang kemas atau barang perhiasan diri merupakan seni warisan masyarakat Melayu khususnya yang terdiri daripada dua jenis bahan utama yang berharga seperti perak dan emas. Selain daripada itu, logam ini digunakan oleh sebilang masyarakat sebagai cagaran hidup untuk menghimpun harta (Mohd Kassim Hj. Ali, 1998). Antara barang kemas yang dihasilkan adalah seperti cucuk sanggul, subang, rantai, kerongsang, pending dan sebagainya. Barang-barang ini boleh dikategorikan kepada hiasan kepala, telinga, leher, tangan dan kaki, baju dan pinggang (Mohd Kassim Hj. Ali, 1998).



Kini, barang kemas telah dikomersalkan dan digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat yang tidak mengira taraf kedudukan, yang penting mereka mampu untuk memilikinya. Ini dapat dirumuskan bahawa budaya bahan ini adalah antara seni rupa melayu tiga dimensi (3D) yang mempunyai unsur ataupun elemen yang berpegang pada prinsip rupa Melayu dalam objek budaya material iaitu seni kehalusan dan ketelitian.

### **kaedah kajian dan analisi rekabentuk dan rekacorak barang kemas tradisional**

Skop kajian ini adalah terhadap kepada barang kemas tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, kajian ini bermula dengan mengkaji data yang berkaitan yang terdiri dengan konsep ciri rekabentuk dan rekacorak daripada kajian sebelum dan semasa ia dikumpulkan dan dikategorikan. Semua dokumen yang terpilih adalah termasuk pelbagai budaya bahan tradisional Melayu khususnya barang kemas yang dikatakan sebagai budaya bahan, yang diberi perhatian terhadap bentuk dan motif hiasan dan corak yang menghiasi warisan barang kemas.

Kemudian, teks dan gambar barang kemas tradisional dianalisis untuk menyelaraskan dan mendokumentasikan ciri-ciri utama barang kemas tradisional tersebut. Akhir sekali, pemerhatian dan pengesahan daripada gambar-gambar serta koleksi yang terdapat di Muzium mahupun orang persendirian dalam mencari serta mengumpul data berkenaan ciptaan motif reka bentuk dan corak yang digunakan oleh petukang-petukang di zaman dahulu.

Kajian ini juga memfokus terhadap penggunaan teori seni rupa Melayu yang menitik beratkan kepada budaya material. Kajian ini cuba memahami seni rupa yang berlandaskan kepada beberapa teori pengkajian seperti sikap (Budaya Material), sebab (Kesan) dan fakta (Teori) (Rahimah Bujang dan Nor Azlin Hamidon, 2008).

### **perbincangan**

#### **Sumber Inspirasi Dalam Barangan Budaya Material**

Menurut Rahimah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2008), masyarakat Melayu sering memerhati alam sekeliling untuk mencari idea dan ilham bagi mengisi kegiatan kesenian. Berasaskan sumber inspirasi inilah petukang-petukang emas pada zaman dahulu mencipta motif, corak dan pola yang pelbagai dan cantik sifatnya sehingga dapat digunakan ke atas pelbagai barangan bermula daripada benda yang sekecil-kecilnya seperti cucuk sanggul, duit syiling, keris, tepak serih sehinggalah yang paling besar seperti ukiran tiang dan masjid. Pelbagai bahan yang dijadikan sebagai sumber inspirasi antaranya ialah tumbuh-tumbuhan, alam semula jadi, geometrik, benda dan haiwan (Rahimah Bujang dan Nor Azlin Hamidon, 2008).

Kajian ini memfokuskan inspirasi berunsurkan tumbuh-tumbuhan. Ini adalah antara unsur yang sinonim dengan Masyarakat Melayu yang sangat rapat dengan alam



semulajadi. Oleh itu, pelbagai tumbuh-tumbuhan sering dijadikan sebagai motif-motif dekorasi antaranya ialah pokok sulur kacang, pokok bunga matahari, pucuk rebung, tampuk manggis, bunga teratai, kiambang bertaut dan melur. Kesemua tumbuhan ini dapat dilihat secara keseluruhan bahagian tumbuh-tumbuhan tersebut diolah dan digubah supaya kelihatan teratur, dan biasanya ia bersifat refleksi sehingga menekankan asas simetrikal atau keseimbangan di dalam pola susun atur motif yang dihasilkan.

Berdasarkan hasil tinjauan oleh pengkaji pada sekitar tahun 2002, mendapati motif bunga-bunga yang sering menjadi pilihan oleh petukang mahir adalah seperti:

- |                    |                           |
|--------------------|---------------------------|
| i. Bunga Matahari  | vii. Bunga Manggis        |
| ii. Bunga Kiambang | viii. Bunga Melur         |
| iii. Bunga Teratai | ix. Bunga Dahlia          |
| iv. Bunga Langsung | x. Bunga Mawar            |
| v. Bunga Orkid     | xi. Bunga Kelambu Harimau |
| vi. Bunga Raya     | xii. Bunga Baling Rambu.  |

Motif bunga matahari, kiambang dan teratai telah digunakan sejak di zaman silam lagi. Ini merupakan sebahagian daripada pengaruh Hindu yang menular kedalam kehidupan masyarakat Melayu khususnya (Jasiman Ahmad dan Nora Samat, 1991). Dalam penulisan Serian Perak: Warisan Senitangan Traditional, 1980 juga menyatakan yang ketiga-tiga bunga ini merupakan bunga yang dianggap suci dalam aspek keagamaan Hindu (\_\_\_\_\_, 1980).

Selain daripada itu, bunga langsung, orkid, raya, dahlia, mawar, kelambu harimau dan melur adalah motif yang sering digunakan oleh petukang perak dalam menghasilkan rekacorak pada permukaan barangan kemas mahupun barangan kasar. Barang-barang kemas yang sering mengaplikasikan motif-motif tersebut adalah seperti rantai, gelang tangan dan kaki, keronggang, cucuk sanggul cincin dan sebagainya (\_\_\_\_\_, 1980).

Tumbuh-tumbuhan juga merupakan salah satu motif yang biasa digunakan oleh petukang- petukang Melayu. Motif-motif ini dapat diperolehi dari alam semulajadi yang ada di sekeliling dan merupakan asas untuk menghasilkan rekacorak. Tumbuh-tumbuhan yang biasa digunakan adalah dari kumpulan yang hidup menjalar, tumbuhan ini juga boleh dijadikan sayur atau ulam seperti:

- |                          |                        |
|--------------------------|------------------------|
| i. Daun Sembung Bidadari | vii. Daun Dalur        |
| ii. Daun Sekati Lima     | viii. Daun Labu        |
| iii. Daun Kundur         | ix. Pucuk Petola       |
| iv. Pucuk Kangkung       | x. Pucuk Paku          |
| v. Buah Cili             | xi. Salur Kacang Botol |
| vi. Salur Kacang Panjang |                        |

Walau bagaimanapun motif-motif ini telah diubahsuai sedikit kepada bentuk yang lebih abstrak iaitu mengikut rekacorak yang diinginkan. Oleh itu, rekacorak yang dihasilkan pada barang kemas adalah lebih halus, rumit dan mempunyai keindahan yang menepati elemen dan prinsip dalam kesenian melayu.



Selain daripada itu, seni warisan tembikar juga menggunakan beberapa jenis bunga yang dijadikan sebagai motif untuk menghiasi permukaan tembikar terutamanya pada bahagian mulut, bahu dan badan tembikar. Antaranya ialah tampok manggis dan bunga sumbar (Abd. Aziz Abdul Rashid, 2008). Kesemua bunga atau motif ini diulangi secara berkali-kali (pola susun atur) sehingga memenuhi barisan yang ditetapkan pada permukaan yang ingin dihiasi.

## **REKABENTUK DAN REKACORAK YANG TERDAPAT DALAM BARANGAN KEMAS TRADISIONAL**

Seni Logam Melayu adalah merupakan barangan atau objek seni rupa tiga dimensi yang rekabentuknya mempunyai makna yang luas, dari segi konteks penciptaan, pembentukan seni rupa dan bentuk yang juga merangkumi nilai-nilai seni halus dan seni gunaan. Selain itu rekabentuk juga diberi maksud sebagai senireka untuk mencipta dan mengubah sesuatu. Ini merupakan konsep yang wujud dalam kehidupan seharian (Siti Zainon Ismail, 1986). Menurut Siti Zainon Ismail juga daya kreatif, pemandangan, imaginasi dan kemahiran seseorang merupakan asas utama untuk melaksanakan tujuan dalam mereka bentuk sesuatu hasil ciptaan seni (Siti Zainon Ismail, 1986).

Rekabentuk berdaya kreatif dihiasi dengan pelbagai reka corak berunsurkan pelbagai elemen seperti tumbuh-tumbuhan. Rekacorak adalah timbul dari perkataan corak, ianya adalah berfungsi bagi menghiasi sesuatu permukaan. Selain itu rekacorak dapat didefinisikan sebagai satu siri bentuk yang berulang, corak biasanya dianjurkan ke dalam susunan tertentu berulang bentuk, walaupun bentuk sama atau berlainan juga boleh dipertimbangkan corak (Ralf L. Wilkinson, 1978). Manakala menurut Siti Zainon Ismail didalam bukunya *Rekacorak Kraftangan Malaysia*, corak merupakan susunan yang menyeluruh pada bahagian-bahagian yang tertentu didalamnya akan diisikan beberapa bentuk motif. Maka istilah tepat untuk corak ialah gubahan motif, gubahan ini akan membentuk rekacorak dalam kesemua barangan kemas yang dihasilkan.

Rekabentuk dan Rekacorak yang dihasilkan oleh petukang-petukang barang kemas Melayu tradisional ini memang terkenal dengan kehalusannya. Keadaan persekitaran memainkan peranan dan menjadi inspirasi utama dalam menghasilkan barangan kemas. Seni pertukangan perak dan emas adalah hubung kaitan dengan pelbagai teknik pembuatan dan pertukangan. Oleh itu, faktor kehalusan, ketelitian dan keindahan adalah menjadi faktor utama yang perlu diutamakan bagi menepati elemen dan prinsip kesenian Melayu (Rahmah Bujan, Nor Azlin Hamidon, 2008).

Keindahan bukan pada rekabentuk malah pada pengolahan sesuatu motif yang diterapkan pada rekacorak. Rekacorak yang dihasilkan mempunyai falsafah atau cerita, pegangan dalam menguji kebesaran Allah s.w.t. Pelbagai motif telah digunakan dalam mereka bentuk, contohnya adalah seperti motif awan larat yang terdapat falsafah atau



cerita disebalik penghasilannya. Seni berestetika, beretika dan berfaedah merupakan seni yang dianjurkan oleh Islam. Ini telah dibicarakan oleh Al-Ghazzali menyatakan konsep keindahan yang dianjurkan oleh Islam ini menerangkan bahawa keindahan terunggul pada zat adalah keindahan zat Allat S.W.T yang tidak dapat dilihat dan digambarkan oleh manusia (Rahmah Bujan, Nor Azlin Hamidon, 2008). Selain itu, seni rupa Melayu juga melambangkan nilai gunaannya, yang kerap kali menjadikan hiasan itu bersatu dan berpadu dengan objek gunaan (Rahmah Bujan, Nor Azlin Hamidon, 2008).

Oleh kerana itu, orang Melayu khususnya orang Islam tidak digalakan menghasilkan rekaan yang berunsurkan bentuk-bentuk haiwan yang nyata, kecuali bentuk yang telah diabstrakkan. Maka pada permukaan sesuatu barang yang dihasilkan hanya menggunakan rekacorak geometrik dan tumbuhan ini adalah berlandaskan kepada lunas-lunas Islam. Ini merupakan ciri-ciri terpenting yang mampu membezakan antara rekacorak Melayu tradisi dengan rekacorak masyarakat Cina Peranakan yang lebih kepada rekacorak berunsurkan binatang, ketuhanan dan semangat seperti maga, burung phoenix, sepasang itik Mandarin, kelawar, ikan, 'The Three Gods of Happiness' dan kekayaan (Sylvia Fraser – Lu, 1989).

Rekacorak dapat diuraikan dalam pertukangan emas dan perak terutamanya dalam menghasilkan barang kemas mempunyai motif yang berlainan. Jika diteliti setiapnya, dapat disimpulkan bahawa hampir semua motif rekacorak itu berlandaskan kepada salah satu alam semulajadi iaitu seperti bunga-bunga, tumbuh-tumbuhan, binatang atau alam manusia yang merupakan kombinasi ketiga-tiganya yang menarik serta digabungkan dengan pembuatan yang menepati elemen dan prinsip kesenian Melayu ini akan menaikkan lagi mutu barang tersebut dan perlu diperkembangkan hingga ke hari ini.

Berikut adalah beberapa contoh yang menunjukkan berlakunya perubahan dalam perkembangan rekabentuk barang kemas tradisional Melayu di Malaysia.





Ilustrasi 1: Gelang tangan belah rotan, 1960. <https://www.pinterest.com/pin>, 23 November 2015



Illustrasi 2: Hiasan kepala cucuk sanggul dan dokoh berinspirasi motif bunga, 1977.  
<http://ladylista.cari.com.my/portal>, 23 November 2015.



Illustrasi 3: Rantai leher, 1980. <https://deanhoxton.wordpress.com>, 23 November 2015



Illustrasi 4: Kerongsang tiga biji terdiri daripada kerongsang ibu dan dua kerongsang bulat yang bermotifkan bunga, 1998. <http://artismalaysia.artismelayu.net/> 23 November 2015



Illustrasi 5: Inspirasi motif Awan Larat sebagai cincin, 2000.  
<http://www.habibjewels.com/collections-gold.asp>, 23 November 2015



Illustrasi 6: Inspirasi Rekabentuk dokoh bermotifkan Awan Larat sebagai rantai tangan, 2014.  
<http://www.sripinang.com/awan-larat/>, 23 November 2015.




Illustrasi 7: Inspirasi Rekabentuk Tampuk Manggis sebagai kerongsang, 2015.  
<http://www.habibjewels.com/collections-gold.asp>, 23 November 2015.



Illustrasi 8: Inspirasi motif bunga lawang sebagai gelang tangan belah rotan, 2015.  
<http://qalbupower.blogspot.my/2011>, 23 November 2015

## KESINAMBUNGAN MOTIF, REKABENTUK DAN REKACORAK

Seperti yang diketahui, kebanyakan pereka dan petukang lebih suka membuat rekacorak yang bertemakan kepada alam semulajadi. Rekacorak ini boleh dilihat pada barang kemas khususnya barang kemas tradisional yang kini boleh didapati digaleri atau muzium yang banyak mempamerkan perhiasan tersebut (Mohd Kassim Hj. Ali, 1990).



Illustrasi 8: Kesenambungan motif, rekabentuk dan rekacorak

Merujuk ilustrasi 8, dalam menghasilkan sesuatu rekacorak, motif yang sering digunakan adalah seperti motif bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan. Motif-motif ini digabungkan sehingga menghasilkan suatu rekacorak yang menarik. Sebagai contoh



perhiasan yang menggunakan rekacorak ini ialah pending, dimana rekacorak yang sering digunakan adalah dari motif bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan. Selain dari itu, motif seperti awan larat antara motif yang sering digunakan untuk menghiasi permukaan perhiasan ini.

Rekacorak dan motif merupakan perkara yang saling berkaitan untuk menghasilkan seni hiasan. Motif boleh dirumuskan suatu bentuk yang jelas atau idea yang penting dalam sesuatu rekaan ataupun komposisi rekacorak yang dihasilkan. Motif juga merupakan tema atau elemen pengamatan didalam sesuatu hasil seni yang dihasilkan secara berulang. Oleh itu, dalam sesuatu rekaan, motif dihasilkan dalam bentuk corak yang berulang-ulang dan ianya adalah daripada unsur-unsur geometri, abstrak dan naturalistik.

Dalam kesenian pertukangan logam, rekacorak dan rekabentuk merupakan penyusunan yang berbentuk visual. Penyusunan ini adalah dari segi ruang, texture, garisan dan sebagainya. Selain itu penggunaan motif bagi menghiasi sesuatu permukaan mestilah seimbang, sesuai serta bersempadan dengan bentuk-bentuk yang dihasilkan.

Jika dilihat pada barangan kemas yang dihasilkan oleh petukang dan pereka diseluruh dunia hari ini, motif merupakan perkara penting dalam menghasilkan sesuatu rekabentuk mahupun rekacorak. Petukang-petukang akan mendapat ilham dari alam semulajadi untuk menghasilkan sesuatu barang kemas khususnya. Walau bagaimanapun pertukangan ini dianggap sebagai satu karya seni yang merupakan luahan emosi seseorang seniman atau petukang yang terpendam (Jasiman Ahmad dan Nora Samat, 1991). Dalam menghasilkan sesuatu rekabentuk elemen-elemen seperti susunan danimbangan, bentuk, garisan, corak, jalinan dan juga warna perlu diterapkan supaya rekabentuk tersebut memenuhi konsep elemen seni rupa dan fungsinya.

Dengan inikesinambungan diantara kedua-duanya begitu penting, apabila ini berlaku maka terhasilah nilai-nilai seni rupa yang menarik serta memaparkan keindahan dan kesenian yang amat jelas dengan ini pereka dapat mencurahkan idea yang lebih kreatif dalam mereka rekacorak dan motif dengan lebih berkesan.

## kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian ini dilakukan bagi mengumpul dan mendokumenkan perkembangan barangan kemas yang dikatakan sebagai budaya bahan yang lebih memfokuskan kepada rekabentuk dan rekacorak pembuatannya khususnya kepada masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia.

Sejarah asal-usul dan perkembangan barang kemas tradisional haruslah menjadi kebanggaan bukan saha kepada orang Melayu bahkan rakyat Malaysia keseluruhannya. Budaya bahan ini merupakan salah satu warisan seni dan sejarah Malaysia yang harus dipertahankan bukan hanya dilihat dan dipentingkan dari aspek komersilnya sahaja. Daripada teknologi tradisional hinggalah penggunaan teknologi moden, tukang-tukang barang kemas Melayu telah Berjaya menghasilkan pelbagai rekabentuk serta



rekacorak yang menarik dengan mengekalkan identiti kemelayuan. Sebagai contoh awan larat, bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan memperlihatkan eratnya hubungan alam persekitaran dengan orang melayu sehingga menjadi inspirasi kepada hasilnya rekacorak yang berpegang kepada prinsip seni rupa melayu dalam objek budaya material iaitu seni kehalusan dan ketelitian.

Dengan mengabungkan serta mengekalkan unsur tradisional ini dalam rekaan kontemporari, sedikit sebanyak dapat memberi peluang kepada generasi akan datang supaya dapat menghayati maksud yang tersirat pada setiap rekacorak yang digunakan. Sebagai contoh, rekacorak yang bermotifkan floral adalah memberi maksud supaya alam semulajadi ini perlu dihayati dan dihargai dengan sepenuhnya.

Justeru itu, pelbagai langkah perlu diambil untuk mengekalkan dan meneruskan kesinambungan warisan sejarah ini agar tidak luput ditelan zaman dan arus pemodenan. Selain dari itu, kini pengkaji sedang mengkaji bagaimana bentuk perubahan dalam fungsi dan pengayaan barang kemas mengikut perubahan zaman yang nampak lebih kontemporari dan bersesuaian pada zaman sekarang.

## RUJUKAN

1. \_\_\_\_\_, 1980. Serian Perak: warisan senitangan traditional, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia: Hal.9
2. Abd Aziz Abdul Rashid, 2008. Seni Tradisi Melayu Yang Terancam, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (Eds), Kebudayaan, Kesenian & Peradaban Alam Melayu (Hal.76-98). Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Adnan Jusoh, 2008. Analisis Saintifik Terhadap Beberapa Sample Artifak Zaman Logam di Malaysia, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (Eds), Kebudayaan, Kesenian & Peradaban Alam Melayu (Hal.99-127). Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
4. Alexandra Choo, 1984. Silver, Singapore, A Guide to The Collection National Museum Singapore.
5. Azah Aziz, 2006. Rupa & Gaya Busan Melayu, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. Jasiman Ahmad dan Nora Samat, 1991. Seni Pertukangan Logam, Kuala Lumpur, Penerbit Setia Mega.
7. Jules David Prowan, 1982. Mind in Matter. An Introduction to Material Culture Theory and Method. Winterthur Portfolio, Vol.17, No.1 (Spring):1-19
8. Leong Sau Heng, 1989. Satu Perbincangan Mengenai Peninggalan Objek-Objek Gangsa Kecil dari Zaman Pra-Sejarah Malaysia. JAM.2:1-8.
9. Mohd Kassim Hj. Ali, 1990. Barang Kemas Tradisional, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.



10. Rahmah Bujan, Nor Azlin Hamidon, 2008. Kesenian Melayu, Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
11. Ralf L. Willkinson, 1978. Design In Encyclopaedia of World Art, Jidil IV London, MC Graw Hill Company.
12. Rekabentuk Barang Kemas Di Malaysia, 23 November 2015, dari <https://www.pinterest.com/pin>, <http://ladylista.cari.com.my/portal>, <https://deanhoxton.wordpress.com>, <http://artismalaysia.artismelayu.net/>, <http://www.habibjewels.com/collections-gold.asp>, <http://www.sripinang.com/awan-larat/>, <http://www.habibjewels.com/collections-gold.asp>, <http://qalbupower.blogspot.my/2011>
14. Siti Zainon Ismail, 1986. Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
15. Soekmono, R. 1973. Pengantar Sejarah Kebudayaan 1. Yokyakarta: Penerbit Kanisuis.
16. Syed Ahmad Jamal, 1995. Estetika Seni Rupa Melayu, Tamadun Melayu Jilid Lima, Kuala Terengganu, Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
17. Sylvia Fraser – Lu, 1989. Silverware of South East-Asia, Outtrord University Press.